

MAJLIS MAKAN MALAM “ALL STARS NIGHT”

18/01/2012

YABhg Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid
Presiden Lawn Bowl Malaysia dan Persatuan Kriket Malaysia, serta
Pengerusi Professional Golf Malaysia (PGM)

Tan Sri - Tan Sri, Datuk-Datuk, serta hadirin yang di hormati

Assalamualaikum Warahmatullahi WBT, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanu Wataala kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapatlah kita menghadiri majlis All Stars Night pada malam ini. Saya turut berterima kasih kepada YABhg Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid dan penganjur majlis kerana sudi menjemput saya ke majlis malam ini yang akan meraikan atlet-atlet dari sukan golf, lawn bowls dan kriket bagi pembabitan mereka sepanjang tahun 2011.

2. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada YABhg Tun Ahmad Sarji kerana memberi saya penghormatan untuk melancarkan edisi pertama buku “The Profesional Golf of Malaysia (PGM) Tour Yearbook 2011” dan juga menyampaikan anugerah-anugerah kepada pemain-pemain terbilang bagi tahun 2011, dan juga kepada dua orang Setiausaha-setiausaha Agung cemerlang.

Hadirin yang di hormati,

3. Kerajaan sentiasa memberi tumpuan yang penting ke atas pembangunan sukan bukan sahaja kerana peranan sukan sebagai aktiviti rekreasi berbentuk fizikal bagi memantapkan kesihatan Rakyat, tetapi sebagai pelantar bagi pengukuhan integrasi nasional. Dalam perspektif ini, saya yakin Malaysia adalah antara Negara yang terbukti berjaya menggunakan sukan sebagai platform perpaduan dan kesejahteraan masyarakat khususnya bagi mendukung aspirasi 1Malaysia, yang melangkaui batasan agama, bangsa dan politik.

4. Sehubungan ini, Kerajaan memang sedar manfaat besar dari segi sosial dan ekonomi yang dapat dihasilkan dari pelaksanaan aktiviti-aktiviti sukan Negara khususnya dari segi pembinaan modal insan, meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan rakyat, penjana peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan serta promosi jenama barangan sukan tempatan. Tambahan lagi, aktiviti dan industri sukan berupaya menjana ekonomi negara daripada segi perspektif pelancongan sukan (sport tourism), kemudahan dan perkhidmatan (service and facility), pusat sukan (sport centre), penajaan (sponsorship), hak penyiaran (broadcasting right) dan banyak lagi.

5. Di samping itu juga, kejayaan di dalam aktiviti sukan di peringkat antarabangsa, secara tidak langsung, akan turut memberi imej dan potensi yang baik kepada Negara di mata dunia.

6. Mengambil kira manfaat yang luas ini, Kerajaan telah menggubal Dasar Sukan Negara dengan menumpukan kepada Sukan Massa, dan Sukan Prestasi Tinggi. Dasar ini melibatkan

penyertaan semua peringkat masyarakat, bertujuan untuk mengwujudkan budaya sukan dan membentuk masyarakat yang sihat dan cergas melalui penglibatan aktiviti sukan dan rekreasi di samping penekanan kepada sukan prestasi tinggi iaitu pencapaian kecemerlangan atlet di pertandingan tahap tinggi peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

7. Kerajaan melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah membelanjakan sebanyak RM96.17 juta pada RMK-9 bagi pembangunan sukan di Malaysia yang meliputi peruntukan bagi latihan, infrastruktur, penyertaan kejohanan dan skim kumpulan ahli sukan (SJKAS). Dari jumlah perbelanjaan di bawah RMK-9 tersebut, 12.3 peratus atau RM11.8 juta dari perbelanjaan keseluruhan telah dibelanjakan bagi pembangunan dan pemantapan sukan lawn bowl, cricket dan golf.

8. Manakala bagi RMK-10 pula Kerajaan telah menyediakan sejumlah RM45.7 juta bagi pembangunan sukan negara meliputi sukan lawn bowl, cricket dan golf.

9. Walau bagaimanapun, kejayaan hasil program dan strategi sukan yang di carta samada di peringkat domestik ataupun antarabangsa akan hanya mencapai kecemerlangan apabila setiap pihak iaitu dari pemain, jurulatih, pentadbir sukan dan pegawai diperingkat persatuan hingga ke Kementerian bekerjasama secara efektif dan memainkan peranan yang berkesan dengan penuh tanggungjawab.

10. Saya ingin menekankan bahawa setiap Persatuan yang mendapat 'kredit' atau pujian bagi kejayaan sukan dibawah naungannya, juga perlu mengambil tanggung-jawab (accountability) bagi kegagalan sukan tersebut untuk mencapai kejayaan yang disasarkan di dalam pertandingan-pertandingan yang disertai. Ini perlu disusuli dengan 'post-mortem' yang menyeluruh, kesan dari kegagalan tersebut dan seterusnya melaksana rombakan samada dari segi program, strategi ataupun melibatkan pentadbir atau pegawai, sekiranya perlu.

11. Persaingan di dalam bidang sukan, diperingkat serantau ataupun antarabangsa, semakin sengit dan ini memerlukan keazaman, komitmen yang berterusan dan semangat professional yang tinggi oleh kesemua pihak untuk memastikan kecemerlangan sukan negara kita. Hadirin yang di hormati,

12. Bagi meluaskan aktiviti sukan Negara, Kerajaan sentiasa mengenalpasti potensi-potensi sukan yang ada agar dapat diketengahkan sebagai sukan yang kompetitif. Sebagai contoh sukan lawn bowl, kriket dan golf pada satu masa dahulu tidak dikenali sebagai sukan utama di Negara kita, kini telah mendapat perhatian, hasil dari perancangan dan pentadbiran yang membantu kepada pembangunan sukan-sukan berkenaan secara efisien.

13. Saya dimaklumkan bahawa sukan lawn bowl kini menjadi antara penyumbang pingat kepada kontingen sukan negara di kejohanan-kejohanan antarabangsa. Dalam sepanjang 14 tahun yang lalu, pasukan Malaysia telah:

- Menjadi juara kejohanan Sukan SEA (4 kali), Asian (8 kali) dan juara Asia Pasifik (3 kali).
- Memenangi pingat emas dalam Sukan Komanwel 2002 di Manchester dan Sukan Komanwel 2006 di Melbourne.
- Memenangi pingat emas dalam kejohanan 'World Bowls 2008' untuk 'Men's Singles' di Christchurch, New Zealand.
- Menduduki ranking ke-3 dunia dalam bahagian lelaki dan wanita dalam Kejohanan World Bowls Championship pada tiga tahun yang lepas.

- Pemain Negara Safuan Said juga pernah menduduki ranking nombor 1 dunia dan Siti Zalina di ranking ke-3 dunia.

14. Begitu juga dengan sukan kriket, yang mana sebelum ini tidak popular di kalangan masyarakat Malaysia, kini mula menunjukkan keputusan yang menggalakkan. Persatuan Kriket Melayu Malaysia telah menjalankan program pembangunan yang menyeluruh di peringkat kebangsaan semenjak tahun 1999 dengan mengambil kira penyertaan di berbagai peringkat umur. Hasil daripada program pembangunan tersebut, kini hampir 80% daripada pemain kebangsaan adalah terdiri daripada pemain-pemain yang dilatih dipusat-pusat latihannya. Saya dimaklumkan antara kejayaan yang membanggakan yang telah dicapai adalah:

- a) Pasukan Kebangsaan Bawah 19 Tahun mengalahkan Zimbabwe (a test playing nation) pada Kejohanan Piala Dunia Bawah 19 Tahun pada 2008.
- b) Pasukan Kebangsaan Bawah 15 Tahun mengalahkan Pasukan Sekolah Sri Lanka Bawah 15 Tahun (yang dianggap pasukan sekolah paling kuat di arena antarabangsa).
- c) Pasukan Kebangsaan Bawah 17 Tahun – Naib Johan di Kejohanan Asian Cricket Council Cup 2009 di Nepal.
- d) Pasukan Kebangsaan Bawah 16 Tahun– Tempat ketiga di Kejohan Asian Cricket Council Cup 2010 di Nepal.

Hadirin yang di hormati,

15. Saya sedia maklum bahawa Professional Golf of Malaysia (PGM) telah ditubuhkan pada 5 Ogos 2010 dengan tujuan untuk menganjurkan pertandingan golf profesional di Malaysia dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang akan meningkatkan kemahiran pemain golf profesional di Malaysia. Pada tahun 2011 PGM telah berjaya menganjurkan 16 pertandingan di seluruh Malaysia dengan menawarkan jumlah hadiah sebanyak RM2.7 juta. Malah tiga daripada kejohanan-kejohanan yang dianjurkan tersebut melibatkan pemain-pemain luar negara di bawah program Asian Development Tour.

16. Pendedahan seperti ini akan memberi saingan yang lebih sengit kepada pemain-pemain golf kita dan akan berupaya menyediakan pemain dari aspek mental dan fizikal apabila berpeluang bermain di peringkat antarabangsa. Pengalaman pertandingan seperti ini turut membantu mereka untuk meningkat kemahiran teknikal dan psikologi untuk menghasilkan mutu permainan yang lebih baik lagi. Semoga hasrat PGM untuk melihat pemain-pemain golf Malaysia beraksi di Asian Tour dan European Tour menjelang tahun 2013 akan tercapai segera.

17. Saya dimaklumkan bahawa buku edisi pertama “The PGM Tour Yearbook 2011” merupakan sebuah buku tahunan yang merekodkan pertandingan golf sepanjang tahun anjuran PGM. Buku tahunan golf ini juga merupakan buku pertama yang seumpamanya yang dikeluarkan di negara kita. Ini merupakan satu kejayaan yang besar untuk YABhg Tun Ahmad Sarji dan PGM.

18. Disamping buku golf ini, saya turut dimaklumkan bahawa Persekutuan Lawn Bolws Malaysia juga akan menerbitkan buku mengenai kemajuan lawn bowls sepanjang tahun 2011; begitu juga Kriket Melayu yang berbuat demikian.

19. Kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh PGM, PLBM dan Kriket Melayu menunjukkan

teraju kepimpinan yang mempunyai keazaman, kewibawaan, wawasan, serta dedikasi terhadap perancangan dan pelaksanaan program-program yang efektif untuk kepentingan atlet, khususnya dalam menghasil dan merealisasikan potensi dan bakat atlet-atlet tersebut.

20. Saya dimaklumkan bahawa hasil dari kepimpinan yang berkesan ini, YABhg. Tun Ahmad Sarji telah dianugerahkan National Sports Leadership award oleh kerajaan pada tiga tahun yang lalu, dan Persekutuan Lawn Bowls Malaysia telah dianugerah ranking 5 bintang dari segi pengurusan. Oleh itu, diharapkan pengurusan dan pentadbiran yang positif di dalam ketiga-tiga sukan ini dapat dijadikan sebagai contoh oleh persatuan-persatuan sukan yang lain.

21. Saya mengucapkan tahniah kepada YABhg Tun Ahmad Sarji dan ahli-ahli pengurusan serta pentadbiran dari ketiga-tiga badan sukan ini kerana berjaya menunjukkan prestasi yang memberangsangkan.

22. Akhir sekali saya mengucapkan tahniah kepada atlet-atlet yang dianugerahkan pengiktirafan pada malam ini. Semoga pengiktirafan ini akan melonjakkan lagi semangat dan keazaman mereka untuk terus berjuang menjadi atlet yang lebih berjaya, menyerlah ke hadapan dan menjadi contoh teladan kepada atlet lain untuk berjaya.

Wabillahitaufik wal hidayah, wassalamualaikumwarahmatullah.
Sekian, terima kasih.